

11 NOV 1998

Parlimen-Gulung

BONUS: KERAJAAN RASA PERLU BERI TAPI TIDAK MAMPU BAYAR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa kerajaan memang memikirkan bahawa bonus perlu diberikan kepada 800,000 kakitangan awam tetapi tidak mampu untuk membayarnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman hari ini berkata walaupun banyak pihak telah meminta supaya kerajaan menimbang pembayaran bonus itu, namun perkara berkenaan belum dapat dilaksanakan.

"Adalah sukar bagi kerajaan menimbangkannya (pembayaran bonus) sebab kegawatan ekonomi dan kemampuan kita terhadap walaupun kerajaan fikir memang ada keperluan untuk beri bonus," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 peringkat jawatankuasa yang menyentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri.

Semasa perbahasan, beberapa anggota parlimen meminta kerajaan menimbang pembayaran bonus itu dan mencadangkan jika kerajaan tidak mampu membayar penuh, bayar separuh atau memikirkan pemberian insentif lain yang tidak dinyatakan.

Sehubungan itu, katanya, satu tarikh sedang dirancang bagi membolehkan rundingan diadakan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Cuepacs mengenai pembayaran bonus itu.

Mengenai rungutan anggota dewan bahawa pentadbiran Parlimen tidak efisien dan peralatan yang terdapat di dalam dewan seperti alat siaran di tempat duduk setiap anggota tidak berfungsi, beliau berkata perkara itu sedang diambil tindakan oleh pihak Parlimen.

Jawapan itu menimbulkan rasa tidak puashati beberapa anggota parlimen yang bangun serentak kerana inginkan penjelasan lanjut.

"Perkara ini bukan baru, masalah "hansard" lewat diberikan telah banyak kali dikemukakan dan jawapan yang kita terima tiap-tiap tahun begitulah," kata Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong).

Semasa perbahasan, Dr Nungsari Ahmad Radhi (BN-Balik Pulau) dan Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) mempersoalkan tentang kelewatan pemberian "hansard" kepada anggota parlimen.

Kedua-dua mereka mempersoalkan mengapa "hansard" tidak boleh dikeluarkan lebih awal dan alasan tidak cukup kakitangan adalah alasan lama.

"Hansard bukan lagi hansard tetapi sejarah. Hari ini dalam sejarah ... itu yang berlaku di Parlimen sekarang. Sekarang sukar bagi kita nak tahu apa yang rakan-rakan kita cakap semalam sebab hansard yang kita dapat hari ini adalah hansard tiga atau empat hari lepas.

Mengenai alat siaran yang terdapat di tempat duduk setiap anggota, Fauzi berkata peralatan itu akan dapat digunakan tidak lama lagi.

Ruhanie bangun sekali lagi dan berkata:"Dulu mereka kata setahun lagi (boleh pakai), sekarang dah setahun. Kalau tak boleh pakai, cabut saja."

Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) turut meminta pihak Parlimen menukar kerusi-kerusi di Bilik Pemberita yang menurutnya sudah uzur.

"Saya lalu di bilik pemberita dan saya lihat ada kerusi yang dah nampak spring. Saya difahamkan ada pemberita yang seluarnya koyak sebab tersangkut spring," katanya sambil melihat kepada sebarisan wartawan yang berada di dalam dewan.

Sebelum itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Nazri Aziz yang turut menggulung perbahasan bagi pihak JPM berkata kerajaan tidak akan menggalakkan demonstrasi diadakan kerana ia boleh menimbulkan

ketegangan.

"Kerajaan dah tekad bahawa kejadian rusuhan kaum pada tahun 1969 tidak akan berlaku lagi," katanya.

Mengenai cadangan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) supaya diadakan pilihan raya umum secepat mungkin, Nazri berkata:"Rakyat tahu apabila mereka memilih wakil mereka pada tahun 1995, wakil mereka itu adalah untuk tempoh lima tahun."

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NZ RON